

PERLEMBAGAAN PERSEKUTUAN
BAHAGIAN VIII - PILIHAN RAYA

Perkara 119A Ketidakkpakaian Perkara 119 bagi Raja-Raja, dsb., melalui perintah

119A. Walau apa pun Perkara 119, Yang di-Pertuan Agong boleh, dengan persetujuan Majlis Raja-Raja, melalui perintah yang disiarkan dalam *Warta*, menetapkan suatu pengecualian kepada mana-mana Raja dan Isterinya, mana-mana Yang di-Pertua Negeri dan Isterinya, dan mana-mana bakal raja, waris ganti dan waris lain Raja dan isteri mereka, dan mana-mana orang lain, daripada pemakaian Perkara 119 dan mana-mana undang-undang yang berhubungan dengan pendaftaran pemilih.